



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 17 DISEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BEKALAN BERAS NEGARA STABIL, PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT, SH -8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	BANTUAN RM1.5 JUTA UNTUK PENTERNAK IKAN AIR TAWAR BATANG AI, ONLINE, SH	
3.	MAFI, CAAM RANGKA PERATURAN PENERBANGAN DRON DALAM SEKTOR PERTANIAN, ONLINE, KOSMO	
4.	MASALAH DAH 40 TAHUN, LOKAL, HM -16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5.	40 TAHUN BAU BABI BAKAL BERAKHIR, NEGARA, KOSMO -17	
6.	LUPUS NAJIS BABI SECARA SISTEMATIK, DALAM NEGERI, UM -33	
7.	MAQIS RAMPAS BIJIRIN DARI UKRAINE BERNILAI LEBIH RM40,000, NEGERI PERAK/P.PINANG, SH -29	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
8.	DURIAN TIDAK LAGI BERGELAR 'RAJA BUAH', DALAM NEGERI, UM -4	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
9.	LKIM MOHON DANA KHAS RM100 JUTA, NEGERI PAHANG/SELANGOR, SH -25	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
10.	PESAWAH BOLEH PILIH BENIH PADI TERBAIK MENERUSI IPBS, ONLINE, BH	INDUSTRI PADI BERAS (IPB)
11.	PESAWAH RUGI PADI DITENGGELAMI AIR, PERLIS, HARAKAH -H16	LAIN-LAIN
12.	PERAK MB TABLES RM1.2 BLN BUDGET, ALL REPS TO GET RM200,000 EACH, ONLINE, BORNEO POST (KK)	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/12/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

BANTUAN RM1.5 JUTA UNTUK PENTERNAK IKAN AIR TAWAR BATANG AI



KUALA LUMPUR - Pernak ikan air tawar di Batang Ai, Sarawak telah menerima bantuan geran berbentuk barang (IKC) berjumlah RM1.5 juta tahun ini, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Beliau berkata, bantuan itu melibatkan agihan kepada seramai 75 daripada 130 penternak.

Menurutnya, ia menjadi sebahagian usaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) membantu pengusaha ikan air tawar yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

"Kerajaan sentiasa prihatin untuk menangani masalah penternakan ikan air tawar di Empangan Batang Ai dan juga di seluruh negara.

"Antara usaha MAFI bagi membantu golongan ini adalah Program Sistem Penyampaian Khidmat Sokongan (SPEKS) iaitu bantuan secara IKC seperti benih dan makanan ikan secara percuma iaitu sekali (one-off) bagi setiap penternak dengan nilai maksimum sebanyak RM20,000 (untuk Sarawak).

"Secara purata benih ikan yang diedarkan oleh kerajaan kepada penternak adalah sebanyak 5,000 ekor untuk setiap peserta bergantung kepada bilangan benih sedia ada di pusat berkenaan bagi membantu penternak mengembangkan hasil pengeluaran mereka," katanya di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau menjawab soalan Jugah Anak Muyang@Tambat (Bebas-Lubok Antu) berhubung perancangan masa kini yang akan dilaksanakan kerajaan bagi menangani masalah penternakan ikan air tawar di Empangan Batang Ai yang terjejas akibat Covid-19.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, MAFI juga mengadakan program taklimat kesedaran dan bimbingan pensijilan myGAP (Akuakultur) kepada pengusaha hatceri/penternak akuakultur melalui penyediaan bantuan naik taraf fasiliti dan pemberian bekalan input (benih dan makanan ikan) dengan nilai maksimum sebanyak RM200,000.

"Turut dilaksanakan adalah mempelbagaikan platform pemasaran secara dalam talian (e-commerce) seperti Facebook, Instagram dan WhatsApp bagi meningkatkan akses kepada lebih ramai pembeli," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/12/2020	KOSMO	ONLINE	

MAFI, CAAM RANGKA PERATURAN PENERBANGAN DRON DALAM SEKTOR PERTANIAN



PUTRAJAYA – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dalam usaha meningkatkan kesedaran dan kepatuhan operator dron sektor pertanian mengenai kepentingan pendaftaran dan tahap keselamatan penggunaan dron di negara ini.

MAFI dalam satu kenyataan berkata, pihaknya mengambil maklum bahawa CAAM sedang merangka satu arahan (directive) khusus bagi sektor pertanian dengan kerjasama kementerian terbabit.

"Sebagai sebuah kementerian yang prihatin tentang kepentingan petani, MAFI akan berbincang dengan pihak CAAM supaya sebarang peraturan yang dikeluarkan tidak akan membebankan para petani.

"Ia terutamanya dari segi kos yang berkaitan agar prosedur dan proses permohonan dan tempoh kelulusan adalah lebih munasabah," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

MAFI berkata, pada masa sama, pihaknya akan memastikan bahawa peraturan dan arahan khusus melalui kerjasamanya dengan CAAM dapat menjamin keselamatan penggunaan dron oleh para petani. -K! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/12/2020	SINAR HARIAN	PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT	8

Bekalan beras negara stabil

KUALA LUMPUR - Bekalan makanan asas negara khususnya beras berada pada tahap yang stabil dan terkawal walaupun negara menghadapi cabaran pandemik Covid-19 ketika ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, kerajaan juga sentiasa mengutamakan sekuriti makanan negara supaya bekalan makanan asas sentiasa terjamin.

Katanya, kerajaan akan terus menggiatkan usaha meningkatkan tahap pengeluaran makanan negara melalui pelbagai inisiatif yang diambil.

“Antara inisiatif kerajaan termasuk merancakkan aktiviti pengeluaran makanan dengan pemberian subsidi, insentif input, penyediaan khidmat nasihat teknikal dan meningkatkan keberkesanan pengeluaran,” katanya pada sesi pertanyaan lisan di Dewan Negara pada Rabu.

Beliau menjawab pertanyaan Datuk Jefridin Atan berhubung inisiatif yang boleh dilakukan bagi meningkatkan pengeluaran makanan asas khususnya beras yang produktivitinya terkesan akibat pandemik Covid-19.

Beliau berkata, bagi tujuan meningkatkan hasil pengeluaran padi, kerajaan melaksanakan beberapa inisiatif termasuk Pengurusan Nut-



RONALD

rien Lokasi Spesifik atau *soil profiling*, pendekatan konsep pengurusan tanah sawah iaitu Sawah Berskala Besar (SBB) menerusi penglibatan entiti swasta dalam rantaian penanaman padi dan pengeluaran beras.

“Inisiatif itu diperkasakan dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0 2021-2030 dan Rancangan Malaysia Ke-12 2021-2025,” katanya.

Sementara itu, Ronald berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan melaksanakan penambahbaikan program Insentif Benih Padi Sah (IBPS).

Jelasnya, langkah itu bagi menjamin mutu perkhidmatan, selain memberikan hak kepada pesawah untuk memilih jenis benih padi terbaik untuk ditanam di sawah mereka.

“MAFI akan melaksanakan beberapa inisiatif bermula tahun 2021.

“Pertama, melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) sebagai pemborong tunggal dalam IBPS.

“Kedua, pelantikan Nafas akan membolehkan penetapan harga siling benih padi sah tanpa melibatkan tambahan peruntukan insentif kerajaan.

“Ketiga, lesen dan permit diberikan kepada ejen, individu atau syarikat berdaftar dengan keraian.” katanya.

Masalah dah 40 tahun

Jawatankuasa Petugas Khas diarah selesai isu pencemaran najis babi di Sungai Kereh

Oleh Nur Izzati
Mohamad
am@hmetro.com.my

Tasek Gelugor

Jawatankuasa Petugas Khas yang ditubuhkan Kementerian Alam Sekitar dan Air (Kasa) pada September lalu diarahkan untuk menyelesaikan isu pencemaran najis babi di Sungai Kereh di sini, dengan segera berikutan ia sudah menghantui penduduk selama empat dekad.

Pasukan petugas khas yang ditubuhkan itu adalah hasil pertemuan menterinya, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man bersama Ketua Menteri Pulau Pinang, Chow Kon Yeow. Pengurusi jawatankuasa terabit, Datuk Dr Nadzri Yahaya berkata, susulan pertemuan itu beberapa agensi berkaitan bergabung dan bekerjasama dalam memberikan syor mengikut kepakaran masing-masing



DR Nadzri (tengah) mengelui pasukan petugas khas mengadakan lawatan mengejut meninjau keadaan Sungai Kereh dan ladang ternakan babi di Kampung Selamat, Tasek Gelugor, semalam.

Dalam lawatan itu, Dr Nadzri yang juga bekas Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara meninjau lokasi pencemaran dan sebuah ladang babi yang dikendalikan dengan amalan penternakan baik. Menurutnya, melalui la-

watan itu pasukan jawatankuasa khas yang terdiri daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) serta badan bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan akan menyeraikan setiap masalah dan strategi penyelesaian secara jangka pendek dan panjang. Bagaimanapun, katanya, tiada garis masa diterapkan untuk menyelesaikan masalah pencemaran najis babi di sungai itu namun ia akan dilakukan secepat mungkin.

Sementara itu, Dr Nadzri berkata, jawatan kuasa itu juga akan menyelesaikan masalah pencemaran Sungai Kereh sehingga ke akar umbi selepas pengurusan Enakmen Penterangan Babi 2016 dan Peraturan Peraturan Pelesehan Penterangan Babi Pulau Pinang 2020 yang akan dikuatkuasakan bermula 1 Januari tahun hadapan.

Najis babi akan ditanam dan berada di lokasi jauh dari kediaman penduduk

40 tahun bau babi bakal berakhir

Oleh SITI NUR MASERAH AMRAN,
ISWAN SHAFIQ IS'A

SEBERANG PERAI – Kerajaan negeri sedang mengenal pasti satu lokasi strategik untuk dijadikan tempat peliputan sisa najis babi yang lebih sistematis khususnya di Tasek Gelugor di sini.

Pengerusi Jawaraknasa Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar serta Kesihatan negeri, Dr. Norizela Arifin berkata, kawasan yang dianggarkan berkeluasan kira-kira 0.8 hektar itu perlu diwujudkan bagi mengurangkan masalah pencemaran air dan bau busuk di beberapa kawasan itu.

Kosmo! pada Ogos lalu melaporkan masalah pencuduk di Kampung Selamat dan Kampung Tok Bedu dekat sini yang sahada hari terpaksa menghindu bau busuk najis haiwan itu sejak 40 tahun lalu.

Menurut Norizela, cadangan lokasi pembuangan atau pelupusan sisa najis babi secara bersistematis itu bagaimanapun akan dibentangkan terlebih dahulu ketika sesi mesyuarat exco akan datang.

"Apakah yang pasti, tapak perpanitan (lokasi pembuangan sisa najis babi) itu akan dibina di kawasan yang jauh daripada pemukiman penduduk dan sumber air seperti sungai utama dan sebagainya."

"Kita juga akan gunakan kawasan itu untuk menarik semua sisa pepesil najis haiwan berkenaan hingga pada kedaikan yang mencapai empat kali (lebih 1.2 meter)," katanya ke-

pada pemberita di Perai di sini semalam.

Sementara itu, Jawatankuasa Pencemaran Sungai Kereh dari-pada Pangkorian Sungai Ladang Termaik Khairizdi di Kancung Selamat telah ditubuhkan di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) diketuai bekas Kerua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepesil Negara, Datuk Dr. Nadzri Yahaya.

Menurut Nadzri, jawatankuasa yang ditubuh pada September lalu adalah hasil perjumpuan antara Kerua Menteri, Chow Kon Yeow dan Menteri Alam Sekitar dan Air, Tuan Ibrahim Tuan Man pada September lalu.

"Pembabitan pasukan petugas khas terdiri daripada pelbagai pihak berkuasa tempatan (PBT) antaranya Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang (JPV).

"Pasukan ini diturunkan khusus supaya setiap agensi dapat bekerjasama dan memberi syor untuk menyelesaikan masalah tersebut sehingga ke arah umbi selepas Enakmen serta Peraturan Penternakan Babi Negeri Pulau Pinang 2020 dilaksanakan bulan depan."



KERATAN Kosmo! 22 Ogos 2020.



NADZRI (tiga dari kiri) bersama pegawai JAS menghui sistem pengairan klang babi dekat Kampung Selamat, Tasek Gelugor semalam.

PBT ini lebih selaras dengan satu sama lain, katanya kepada pemimpin.

Beliau berkata demikian selepas melakukan lawatan mengikut ke beberapa lokasi di Kampung Selamat, Tasek Gelugor di sini.

NADZRI memerluka melihat kandang babi yang menjadi punca bau busuk beberapa kampung di Tasek Gelugor semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata jawatankuasa itu akan membantu menyelesaikan masalah terbatik setinggi sekitar umbi selepas Enakmen serta Peraturan Penternakan Babi Negeri Pulau Pinang 2020 dilaksanakan bulan depan.

Lupus najis babi secara sistematik

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA
utusannews@mediamulia.com.my

BUKIT MERTAJAM: Sebuah tempat pelupusan sisa najis babi yang lebih bersistematis perlu diwujudkan khususnya di Tasek Gelugor bagi mengurangkan masalah pencemaran air dan bau busuk di beberapa kawasan di situ.

Pengerusi Jawatankuasa Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar serta Kesihatan negeri, Dr. Norlela Ariffin berkata, pihaknya mencadangkan lokasi khas berkeluasan kira-kira 0.8 hektar bagi tujuan berkenaan.

Katanya, cadangan lokasi pembuangan atau pelupusan sisa najis babi secara bersistematis itu akan dibentangkan terlebih dahulu ketika sesi

mesyuarat Exco akan datang.

“Tapak perparitan (lokasi pembuangan najis babi) itu akan dibina di kawasan yang jauh daripada penempatan penduduk, sumber air seperti sungai utama dan sebagainya.

“Kita juga menggunakan kawasan itu untuk menanam semua sisa pepejal najis haiwan berkenaan hingga pada kedalaman yang mencecah empat kaki (lebih 1.2 meter),” katanya kepada pemberita di sini semalam.

Terdahulu, beliau hadir mempengaruhi Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Negeri Bagi Pelesenan Ladang Babi di bawah Enakmen Perniagaan Babi 2016 dan Peraturan-Peraturan Pelesenan Perniagaan Babi peringkat negeri yang julung kali diadakan.

Yang hadir sama Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar negeri, Dr. Anun Man, wakil Jabatan Alam Sekitar (JAS), wakil Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta pihak berkuasa tempatan khususnya Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Meskipun masih di peringkat cadangan, kenyataan Norlela itu dilihat mampu memberi kelegaan kepada penduduk setempat khususnya di Kampung Selamat dan Kampung Tok Bedu di situ yang saban hari terpaksa menghindari bau busuk najis haiwan itu sejak 40 tahun lalu.

Norlela berkata, sebanyak 126 pemilik ladang babi di negeri ini membuat permohonan mendapatkan lesen antara 1 Mac hingga 7 Oktober lalu.



NORLELA Ariffin mengadakan lawatan mengejut ke beberapa kilang pemprosesan babi yang menjadi isu dalam penduduk setempat di Tasek Gelugor. - UTUSAN/AMIR IRSYAD OMAR

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/12/2020	SINAR HARIAN P.PINANG	NEGERI PERAK/ P.PINANG	29

Maqis rampas bijirin dari Ukraine bernilai lebih RM40,000

BUTTERWORTH - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya mengagalkan cubaan membawa masuk *millet* (sekoi) dari Ukraine tanpa permit sah ke negeri itu.

Pengarah Maqis Pulau Pinang, Zarina Ramli berkata, bijirin berkenaan dikesan hasil pemeriksaan yang dijalankan di Tapak Pemeriksaan Pelabuhan Pengkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) pada Ahad lalu.

Menurunnya, pemeriksaan mendapati konsainan membawa 902 beg *black millet* (sekoi hitam) tanpa permit import sah daripada

pihak Maqis.

“Kesemua barang dagangan tersebut seberat 22,550 kilogram (kg) yang dianggarkan bernilai RM42,000.

“Semua barang dagangan berkenaan dirampas dan akan disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] di mana jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali pada Rabu.

Sementara itu, Zarina berkata,

dalam pemeriksaan berasingan pi- hinya merampas sebuah kontena yang mengandungi 1,150 beg *creamy white millet* (sekoi putih) seberat 23,000kg yang dianggarkan bernilai RM36,800 dari negara sama.

Katanya, barang dagangan itu juga didapati tidak mematuhi syarat yang dinyatakan pada permit import yang dikeluarkan oleh Maqis.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 15(1) dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali pada Rabu.

“Sementara itu, Zarina berkata,



Bijirin sekoi putih dari Ukraine yang dirampas pihak Maqis pada Ahad lalu.

Durian tidak lagi bergelar 'raja buah'



Oleh AMREE AHMAD

utusannews@mediatulia.com.my

PUTRAJAYA: Populariti durian yang gah sebagai raja segala buah tahun ini nampaknya mulai 'dicabar' oleh buah-buahan lain termasuk mangga harumanis, rambutan dan dokong.

Bercakap kepada *Utusan Pertanian Persekutuan (FAMA)* menjelaskan, permintaan durian bukan sahaja jauh dari sejoli nilai jualan keseluruhan, malah kuantiti di pasaran tempatan.

"Penurunan dipengaruhi perubahan cuaca tidak menentu, pengeluaran buah tidak konsisten dan sentimen harga yang tinggi di pasaran," jelas agensi itu di sini semalam.

Tiga faktor itu jelas FAMA, menjadi cabaran bagi mempertahankan bekalan berterusan di samping perlu meminimumkan kos belian yang semakin meningkat.

FAMA menambah, meskipun pandemik Covid-19 muncul, aktiviti pembelian di peringkat ladang masih berlaku berikutnya permintaan tinggi terutama perniagaan jualan secara dalam talian. Berdasarkan data untuk tahun ini sehingga Oktober lalu,



MASALAH cuaca, harga tinggi dan pengekutan tidak konsisten menyebabkan durian kurang mendapat sambutan pada tahun ini.

iaru 182,595 kilogram dengan nilai RM974,220, melonjak tinggi daripada 2017 iaitu hanya 19,472 kilogram dengan RM248,284.

Turut menerima nasib yang sama ialah durian klon apabila setakat Oktober lepas, cuma 8,974 kilogram dengan nilai pasaran RM191,374 dijual oleh pihak FAMA. Padahal sepanjang tahun

lalu, sebanyak 48,712 kilogram dengan nilai RM635,805 dicatatkan manakala pada 2018, durian itu pernah pecah rekod sebanyak 94,212 kilogram dengan nilai RM906,452.

Sementara itu pada 2017, meskipun durian klon hanya dijual sebanyak 34,574 kilogram, nilainya mencecah RM872,182 berikutan harga yang amat tinggi di pasaran seluruh negara ketika itu.

LKIM mohon dana khas RM100 juta

Tambahan daripada RM450 juta sedia ada untuk projek perumahan nelayan tahun depan

KUANTAN

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan memohon peruntukan khas sebanyak RM100 juta daripada kerajaan bagi meneruskan projek perumahan nelayan pada tahun depan, kata Ketua Pengaralahnya, Othman Abdul Latiff.

Beliau berkata, ia sebagai tambahan kepada peruntukan khas sejdia ada sebanyak RM450 juta yang diperoleh pihaknya sejak 2012 bagi memastikan aspek kebajikan nelayan terus dijaga dan rumah mereka

sentiasa berada dalam keadaan yang baik.

“Kita dalam proses untuk memohon susulan peruntukan sedia ada dijangka habis digunakan pada hujung tahun ini dan kita perlukan peruntukan khas ini bagi membantu mereka membaiki rumah sedia ada atau membina rumah baharu.

“Saya minta jasa baik kerajaan sekarang yang prihatin supaya kita dapat membantu mana-mana nelayan yang belum menerima manfaat projek perumahan akan terima melalui peruntukan khas ini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Penyampaian Komisyen Kepada Peserta Projek Pemasaran, Insurans Berkelompok dan Bantuan Bencana Alam Persatuan Nelayan Kawasan

Kuantan di sini pada Rabu yang turut dibidiri Pengarah LKIM Pahang, Farah Shahrada Zakaria.

Othman berkata, melalui projek perumahan itu, nelayan yang mempunyai tanah sendiri boleh memohon membina rumah baharu dengan kos RM56,000 makan-

kala bagi pembaikan rumah, pihaknya memperuntukkan sehingga RM13,000 bagi sebuah rumah.

“Bermula 2012 sehingga kini hampir 5,000 buah rumah telah dibina dan kira-kira 100,000 rumah telah dibaiki melalui peruntukan sedia ada itu.

“Jika peruntukan khas tambahan diluluskan lebih ramai lagi nelayan akan memikmatinya,” katanya.

- Bernama



OTHMAN

Kuantan di sini pada Rabu yang turut dibidiri Pengarah LKIM Pahang, Farah Shahrada Zakaria.

Othman berkata, melalui projek perumahan itu, nelayan yang mempunyai tanah sendiri boleh memohon membina rumah baharu dengan kos RM56,000 makan-

kala bagi pembaikan rumah, pihaknya memperuntukkan sehingga RM13,000 bagi sebuah rumah.

“Bermula 2012 sehingga kini hampir 5,000 buah rumah telah dibina dan kira-kira 100,000 rumah telah dibaiki melalui peruntukan sedia ada itu.

“Jika peruntukan khas tambahan diluluskan lebih ramai lagi nelayan akan memikmatinya,” katanya.

- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/12/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

PESAWAH BOLEH PILIH BENIH PADI TERBAIK MENERUSI IBPS



KUALA LUMPUR: Penambahbaikan program Insentif Benih Padi Sah (IBPS) dilaksanakan bagi menjamin mutu perkhidmatan, selain memberi hak kepada pesawah memilih jenis benih padi terbaik untuk ditanam di sawah mereka.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata perkara berkenaan dilakukan hasil pertemuan pihaknya dengan pemegang taruh berkaitan, sekali gus membantu kementerian merangka hala tuju dan penambahbaikan program itu.

Beliau berkata; sebagai permulaan pihaknya melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai pemberong tunggal dalam program IBPS.

"Pelantikan NAFAS membolehkan penetapan harga siling benih padi sah dilaksanakan tanpa membabitkan tambahan peruntukan insentif kepada kerajaan.

"Selain itu, lesen dan permit hanya akan diberi kepada ejen, individu atau syarikat berdaftar.

"Penetapan beberapa varieti benih padi sah yang akan dihasilkan oleh syarikat pengeluar benih padi sah untuk dipilih pesawah dan stok penimbang benih padi sah akan disediakan bagi menangani isu kekurangan bekalan benih padi sah di luar jangka," katanya pada persidangan Dewan Negara di sini, hari ini.

Beliau menjawab pertanyaan Senator Datuk Jefridin Atan mengenai inisiatif kerajaan bagi meningkatkan pengeluaran makanan asas khususnya beras yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Kiandee berkata, inisiatif pihak kementerian yang akan dilaksanakan tahun depan itu dijangka dapat mengelak manipulasi benih padi sah dan harga di lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak di pintu kilang.

"Ia penting bagi mengelak dominasi syarikat pembekal tertentu terhadap pasaran benih padi sah secara khususnya, dan sektor padi dan beras secara umumnya," katanya. – BERNAMA



Pesawah rugi padi ditenggelami air

KANGAR: Hujan lebat yang mencurah-curah sejak Ogos lepas menyebabkan sawah seluas 1,000 hektar di beberapa kampung tenggelam sehingga petani mengalami kerugian hampir RM2 juta.

Menurut petani masalah itu berpunca sekatan yang dibina di Sungai Pengkalan Asam menyebabkan beberapa sungai sekitar Arau berlaku limpahan air ke sawah setiap kali hujan lebat.

Sawah dikatakan tenggelam hingga paras pinggang. Antara kawasan yang terjejas teruk Kampung Teluk, Gobak, Alor Banat, Bakong, Banat dan Jawi Bakong.

Seorang petani dari Kampung Teluk, Salleh Chin, 58 berkata, setiap kali sawah tenggelam air mengambil masa lebih 10 hari untuk surut kembali.

Katanya keadaan itu menyebabkan pokok padi yang sedang membesar rosak.

"Dalam tempoh tiga bulan enam kali sawah kami ditenggelami air sehingga ada di paras pinggang.

"Saya mengalami kerugian lebih RM20,000 dan



Sawah tenggelam sehingga ke paras paha selepas hujan lebat

terpaksa menanam padi baharu pula sebagai ganti," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Menurutnya setiap kali tenggelam mengambil masa lama untuk surut menyebabkan padi rosak.

Katanya beliau sudah memaklumkan masalah itu kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) namun belum ada tindakan diambil.

Shahidan Baharom, 58 dari Lomboh, Arau berkata, hampir 50 peratus padi yang ditanam rosak akibat ditenggelami air.

Beliau mengusahakan padi di kawasan seluas 15 hektar turut berdepan dengan kerugian besar.

"Selalunya hasil yang diperolehi setiap kali musim menuai boleh mencecah RM100,000 tetapi kali ini saya menjangka susut sehingga 50 peratus selepas sawah beberapa kali tenggelam bermula Ogos lepas.

"Saya harap sekatan yang dibina di Sungai Pengkalan Asam itu dibuang kerana apabila laluan air tersebut ia akan menyebabkan air melimpah ke sungai-sungai lain dan ke kawasan sawah," ujarnya.

Suvit Udom, 45 dari Kampung Alor Banat berkata, pendapatannya turut terjejas teruk memandangkan bendangnya sudah tiga kali tenggelam.

Headline	Perak MB tables RM1.2 bln budget, all reps to get RM200,000 each			
MediaTitle	Borneo Post (KK)			
Date	17 Dec 2020	Color	Black/white	
Section	Home	Circulation	18,290	
Page No	7	Readership	54,870	
Language	English	ArticleSize	221 cm ²	
Journalist	N/A	AdValue	RM 616	
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,848	



Perak MB tables RM1.2 bln budget, all reps to get RM200,000 each

IPOH: Perak has been allocated RM1.215 billion to spend next year, newly appointed Menteri Besar Datuk Saarani Mohamad said yesterday when tabling the state Budget 2021.

He said RM430 million is allocated for development expenditure and RM785.1 million for the management cost.

"The theme 'Perak Resilient, Sustainable and Inclusive' continues to be the theme for the next year's Budget," he said in the state legislative assembly.

Saarani also said that all 59 Perak assemblymen will be given RM200,000 each to carry out their service in their respective consistency.

He said his state government is focusing on initiatives to improve the infrastructure facilities.

"For that purpose, we have allocated RM290.4 million to the departments responsible for handling this matter."

"A total of RM169.8 will be given to the Works Department for the development of new projects and also for upgrading the existing infrastructures."

"While the Department of Irrigation and Drainage will receive a 2.6 percent increased allocation of RM113.3 million as compared to this year," he said.

To ensure the best governance and service delivery, Saarani said the state has allocated a total of RM785.1 million from the budget for the operating expenditures of all the state departments and agencies.

Saarani said that the state also allocates RM26.7 million to Perak Housing and Property Board (LPHB).

While for the Department of Agriculture, Saarani said that they will receive an allocation of RM24.2 million for management expenditures and RM8.0 million for development.

"This allocation is specifically for Crop Industry Development, Agricultural Technology Enhancement, Human Capital Development and Agro-based Industry Development," he said.

"For the purpose of livestock development, the state has allocated RM22.5 million to the Department of Veterinary Services and RM2 million for the Fisheries Department," he added.

Saarani also said the state is focused on maintaining environmental sustainability and allocated RM48.8 million next year for the matter.

He added RM7.0 million has been allocated to stimulate the growth of the entrepreneurial sector in the state.

"Also the Entrepreneur Fund programme will be continued with the allocation of RM5.0 million in 2021, which is expected to benefit about 300 entrepreneurs," he said.

Saarani said that the state has allocated a total of RM99.6 million to enhance an Islamic religious programme known as syumul syiar.

He also said RM84.3 million is set aside for human capital development in Perak, of which RM54.9 million will cover school education, while RM29.4 million for higher education.

Meanwhile for the social development and welfare of the people, Saarani said the state allocated RM83.9 million.

"Among others the fund will be used for programmes under the State Welfare Department and also for food box programmes and Perak Prihatin Card aid," he said.

Saarani also said the state is targeting around three to five million tourists next year as the Covid-19 cases are now being controlled and vaccine were also approved.

"For the rehabilitation efforts and maximizing the potential of the tourism industry, the state has allocated RM25.9 million for the purpose," he said.

"Meanwhile, for the management of Non-Muslim Affairs, which includes construction and renovation of non-Muslim houses of worship, the state government has allocated RM10 million under this program," he added.

To appreciate the service contributed by the civil servant, Saarani said the state will provide a Special Financial Assistance equivalent to a month's salary, which will be paid at the end of December.

"The payment of RM1,000 is also extended to all untrained backup teachers, I'dadi teachers, Thanawl teachers, Islamic kindergarten teacher, Tok Batin and part-time workers," he added.